

# DEB, usaha PNB yakinkan Bumiputera melabur RM40 bilion

UM - 1 FEB 2003

Oleh AKMAR HISHAM MOKHLES

KUALA LUMPUR 31 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Dasar Ekonomi Baru (DEB) serta usaha gigih dan kecekapan Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah berjaya meyakinkan lapan juta Bumiputera untuk melabur sebanyak RM40 bilion dalam pasaran saham dan kegiatan kewangan lain.

Malah kata Perdana Menteri, PNB berjaya melaksanakan dasar kerajaan dengan baik sejak 25 tahun lalu walaupun semasa ditubuhkan tiada pihak yang yakin akan keupayaan syarikat konglomerat itu.

“Tidak terlintas dalam fikiran kita satu ketika dahulu bahawa bumiputera akan dapat melabur RM40 bilion dalam saham, tetapi kita berjaya dengan adanya PNB dan DEB,” kata beliau sewaktu berucap selepas menerima anugerah Bapa PNB pada Majlis Makan Malam Kumpulan PNB di Stadium Negara, di sini, malam ini.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah

Ahmad Badawi bagi pihak PNB dengan disaksikan kira-kira 1,000 kakitangan PNB.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

## Menikmati

Paling membanggakan kata Dr. Mahathir ialah usaha PNB juga telah membolehkan rakyat termasuk yang termiskin turut menikmati saham melalui pelaburan di dalam saham amanah.

“Kita amat bangga dengan kejayaan PNB dan berterima kasih kepada pengurusannya kerana dapat mengumpul wang rakyat sehingga membawa kejayaan dan kekayaan kepada rakyat,” katanya.

Beliau seterusnya berkata, kejayaan yang dicapai oleh kaum Bumiputera di negara ini telah menyebabkan banyak negara lain berusaha meniru PNB untuk memperkayakan rakyat masing-masing.

Bagaimanapun, jelas beliau, sehingga kini belum ada negara yang berjaya meniru kejayaan PNB itu walaupun banyak latihan diberikan kepada mereka.

Dalam pada itu, Perdana Menteri memberitahu, cara-cara

yang digunakan untuk melaksanakan DEB dan usaha gigih PNB juga telah berjaya meningkatkan pegangan saham bumiputera di negara ini daripada 10 peratus pada 1970-an kepada 20 peratus kini.

Menurut beliau, jumlah pasaran modal 20 peratus itu hakikatnya jauh lebih besar jika dibandingkan dengan 20 peratus pada tahun 1970-an.

Justeru ujar beliau, keupayaan PNB mempertahankan peratusan pegangan itu merupakan satu kejayaan yang besar apatah lagi semasa ditubuhkan pada tahun 1977 lalu, ramai yang bimbang ia tidak dapat mencapai matlamat menaikkan pegangan ekuiti bumiputera.

“Faktor yang menolong adalah DEB. Suatu masa dulu apabila Bumiputera diberi saham mereka menjual saham itu kepada bukan Bumiputera, tetapi dengan PNB mereka menjual balik saham itu kepada PNB, dengan cara ini pegangan saham Bumiputera dapat dikekalkan,” katanya.